

CENOK PERUT HITAM
Black-bellied Malkoha

FAMILI: Cuculidae
NAMA SAINTIFIK: *Phaenicophaeu diardi*



CIRI-CIRI

Individu dewasa menyerupai spesies Cenok Kera, *Phaenicophaeus tristis*, tetapi saiznya lebih kecil serta bahagian ekor yang lebih pendek. Bahagian rengkong dan dada berwarna gelap serta terdapat jalur-jalur cerah. Pada sekeliling bahagian muka tidak terdapat warna putih. Bahagian hujung bulu ke bahagian ekor berwarna putih. Individu ini mempunyai bahagian mata yang berwarna biru pudar atau coklat gelap. Individu juvenil mempunyai bahagian atas kepala dan bahagian atas belakang badan yang berwarna coklat manakala bahagian rengkong sedikit pudar dan berwarna putih serta tidak terdapat sebarang jalur. Bahagian paruh berwarna gelap dan kecil serta mata yang berwarna coklat.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 35.5 - 38 sm.

MAKANAN

Vertebrata kecil serta buah-buahan.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, pinggir kawasan hutan, hutan sekunder dan kadangkala dijumpai di kawasan pertanian, pada ketinggian sehingga ke 1,220 m dari aras laut (selalunya berada di kawasan ketinggian bawah 200 m dari aras laut).

BUNYI

Mengeluarkan bunyi *gwaup* yang kasar serta bunyi *gwagaup* yang cepat dan kuat dan juga bunyi *pauk*.

TABIAT

Biasanya kelihatan mencari makan di kanopi pokok, di celah-celah daun yang rimbun.

PEMBIAKAN

Musim membiak pada bulan Januari-Mei di mana sarang yang dibina adalah nipis dan jarang di kawasan semak dan belukar. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji berwarna putih kapur dan berukuran kira-kira 31.5x25.1 mm.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.
IUCN, hampir terancam.